



BAB LIMA

KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP

BAB LIMA

KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.0 Pendahuluan

Bab Lima ini bertujuan membincang dan merumuskan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian seperti yang terkandung dalam Bab Satu. Beberapa cadangan dan saranan kepada pihak-pihak yang berkenaan turut dimuatkan berdasarkan keputusan yang diperolehi daripada hasil kajian untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa Arab khususnya dalam aspek kata nama. Di samping itu, penyelidik juga menyarankan kajian-kajian lanjut yang boleh dilaksanakan oleh penyelidik lain pada masa-masa akan datang.


5.1 Kesimpulan

Penyelidik akan mengutarakan beberapa perkara penting sebagai kesimpulan kepada kajian ini, berdasarkan analisis data ke atas dapatan kajian dan interpretasi keputusan kesemua data tersebut seperti yang telah dibincangkan dalam Bab Empat. Kesimpulan kajian ini adalah seperti berikut:

5.1.1 Tahap Sebenar Penguasaan Kata Nama Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua KAA SMKKPPI.

a) Seramai 23 orang (46%) daripada 50 orang pelajar tingkatan dua KAA mendapat gred A, iaitu berprestasi cemerlang mengikut skala gred pemarkahan PMR dalam ujian bertulis yang dijalankan ke atas mereka. 17 orang daripada mereka mendapat markah dalam lingkungan (80-89) dan selebihnya 6 orang pelajar mendapat markah dalam lingkungan (90-100).

- b) Seramai 19 orang pelajar (38%) mendapat gred B, iaitu berpencapaian kepujian dengan 5 orang daripada mereka memperolehi markah dalam lingkungan (65-69) dan 14 orang mendapat markah dalam lingkungan (70-79).
- c) Seramai 5 orang pelajar (10%) mendapat gred C, iaitu berpencapaian baik dengan 2 orang daripada mereka mendapat markah dalam lingkungan (50-59) dan 3 orang pelajar mendapat markah dalam lingkungan (60-64).
- d) Hanya 2 orang pelajar (4%) yang mendapat gred D, iaitu pencapaian mereka mencapai tahap penguasaan minimum dengan markah dalam lingkungan (40-49).
- e) Seorang pelajar (2%) mendapat gred E, iaitu tidak mencapai tahap penguasaan minimum yang dikira sebagai gagal dalam ujian tersebut.
- f) Peratus lulus keseluruhan pelajar dalam ujian kata nama bahasa Arab yang telah dijalankan ialah sebanyak 98% menggambarkan peratus kelulusan di tahap membanggakan.
- g) Berdasarkan ukuran kecenderungan memusat, nilai min skor dalam ujian tersebut adalah 75.52, nilai median adalah 78 dan nilai mod adalah 82 seperti yang dipaparkan dalam Rajah 4.10. Taburan markah ujian ini menghasilkan lengkung pencong negatif iaitu nilai mod yang lebih besar daripada nilai median dan nilai median yang lebih besar daripada nilai min, menunjukkan ramai pelajar yang berpencapaian baik (Ee Ah Meng, 2002:127).



Rajah 4.10 : Lengkung Taburan Pencong Negatif

- h) Seramai 29 orang pelajar (58%) mendapat skor yang sama atau melebihi nilai min iaitu 75.52 dan bakinya 21 orang pelajar (42%) mendapat skor kurang daripada nilai min tersebut. Dengan ini bermakna lebih daripada separuh pelajar mendapat skor lebih daripada nilai min berbanding dengan pelajar yang mendapat skor di bawah nilai min, yang menunjukkan satu pencapaian baik bagi kumpulan ini.
- i) Manakala berdasarkan ukuran keserakan nilai sisihan piawai adalah 13.01. Nilai sisihan piawai pula memberikan ukuran sebaran data, iaitu sama ada data berdekatan (nilai sisihan piawai rendah) atau berjauhan (nilai sisihan piawai tinggi) antara satu sama lain. Nilai sisihan piawai memberikan petunjuk berkenaan darjah kepelbagaian data. Sekiranya nilai sisihan piawai rendah, darjah kepelbagaian data juga rendah, manakala sekiranya nilai sisihan piawai tinggi, darjah kepelbagaian juga tinggi.

Lebih rendah nilai sisihan piawai, lebih homogen set data itu manakala lebih tinggi nilai sisihan piawai pula, lebih heterogen set data itu (Lim Chong Hin, 2007:246).

- j) Julat skor pelajar dalam keputusan ujian bertulis ini adalah 58, iaitu dengan skor pelajar tertinggi 96 dan skor pelajar terendah adalah 38. Julat skor yang besar antara pelajar berprestasi tinggi dan pelajar berprestasi rendah menunjukkan pencapaian yang tidak seimbang di kalangan pelajar tersebut.
- k) Secara keseluruhannya keputusan ini menunjukkan 42 orang pelajar (84%) berjaya mendapat gred A dan B, manakala selebihnya 8 orang pelajar (16%) mendapat gred C, D dan E. Keputusan ini menggambarkan sejumlah besar pelajar tingkatan dua KAA di SMKKPPI berprestasi baik, walaupun sebilangan kecil daripada mereka yang hanya mencapai tahap penguasaan minimum dan tidak mencapai tahap penguasaan minimum mengikut skala gred pemarkahan PMR.
- l) Terdapat pelajar yang tidak dapat membezakan antara golongan kata dalam bahasa Arab, iaitu kata nama, kata kerja dan partikel, berpandukan jawapan mereka dalam ujian bertulis yang tidak dapat mengasingkan golongan kata tersebut secara tepat. Situasi ini sama dengan hasil kajian Ali Hin (2000:136) dalam disertasinya berkenaan penggunaan isim ma'rifat di kalangan pelajar tingkatan empat dan lima SMKA, mendapati ramai pelajar yang tidak faham mengenai istilah isim atau kata nama berdasarkan jawapan mereka tidak dapat mengasingkan kata nama dari petikan teks dengan baik, di samping ramai di kalangan mereka tidak dapat membezakan antara kata kerja dan kata nama.
- m) Penguasaan pelajar dalam kata nama mudhakkhar dan kata nama mu'annath adalah di tahap sederhana dengan 36 orang pelajar (72%) mendapat skor sama atau melebihi nilai min, iaitu 14.96. Namun begitu terdapat pelajar yang tidak dapat membezakan antara tanda-tanda bagi kata nama mudhakkhar dan kata nama mu'annath.

- n) Penguasaan pelajar dalam kata nama bahasa Arab dari aspek bilangan yang merangkumi kata nama tunggal, kata nama dual dan kata nama jama' adalah di tahap sederhana. Bagaimana pun terdapat sebilangan kecil pelajar yang amat lemah dalam aspek tersebut. Permasalahan utama yang dikenal pasti ialah mereka tidak dapat membezakan antara semua bentuk golongan kata dari segi bilangan, menyebabkan timbul kekeliruan untuk menukarkan golongan kata berkenaan kepada bentuk golongan kata yang lain.
- o) Penguasaan pelajar dalam kata nama bahasa Arab dari aspek ketentuan iaitu kata nama ma'rifaṭ dan kata nama nakiraṭ adalah di tahap sederhana, dengan 28 orang pelajar (56%) mendapat skor sama atau melebihi nilai min iaitu 14.44. Pelajar didapati tidak mampu mengenal dan membezakan antara kedua-dua bentuk kata nama tersebut, menyebabkan mereka meletakkan kata nama ma'rifaṭ di ruangan jawapan kata nama nakiraṭ dan begitulah sebaliknya. Keadaan ini juga meyerupai dapatan kajian Ali Hin (2000:36) yang menunjukkan hanya 50% pelajar dapat mengenal dan menggunakan isim ma'rifaṭ dengan baik.
- p) Penguasaan pelajar dalam kata tunjuk adalah di tahap baik, dengan 38 orang pelajar (76%) memperolehi skor sama atau melebihi nilai min, iaitu 7.92. Hanya sebilangan kecil pelajar yang tidak dapat menguasai kata tunjuk.
- q) Penguasaan pelajar dalam kata hubung adalah kurang memuaskan, dengan 20 orang pelajar (40%) mencatat skor sama atau melebihi nilai min, iaitu 6.44. Pelajar tidak mampu menguasai penggunaan kata hubung sepenuhnya dengan meletakkan kata hubung yang tidak tepat dalam ruangan jawapan. Mereka dikenal pasti paling ramai melakukan kesilapan dalam penggunaan kata hubung (الَّذِينَ) yang digunakan untuk lafaz jama' mudhakkar.

5.1.2 Aspek Pembelajaran Pelajar Khususnya Dalam Kata Nama Bahasa Arab

- a) Tiada seorang pun daripada pelajar yang didapati menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pertuturan di rumah. Sebaliknya semua pelajar menggunakan bahasa Melayu dan 31 orang (62%) yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan di rumah. Keadaan ini boleh mempengaruhi penguasaan mereka dalam menggunakan bahasa Arab secara berkesan, yang menyebabkan bahasa tersebut hanya dipelajari di sekolah tetapi tidak dipraktikkan di luar bilik darjah.
- b) Sebahagian daripada pelajar pernah mendapat pendedahan mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi secara formal di sekolah rendah dan sebahagian lagi mempelajarinya di sekolah menengah dalam KAA. Situasi ini juga boleh mempengaruhi tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab. Dari segi tempoh masa pelajar yang pernah mendapat pendedahan dan mempelajarinya secara tidak langsung telah menguasai sedikit sebanyak bahasa tersebut, berbanding dengan mereka yang baru mempelajarinya di peringkat menengah.
- c) Lebih daripada sebahagian pelajar iaitu 47 orang (94%) menyatakan kemasukan mereka ke KAA adalah dengan pilihan sendiri dan 3 orang lagi (6%) menyatakan sebaliknya. Hal ini menggambarkan ketidaksediaan pelajar dalam membuat pilihan untuk mempelajari bahasa Arab dan boleh mempengaruhi minat mereka terhadap mata pelajaran tersebut.
- d) Gabungan pelajar yang sangat berminat dan berminat mempelajari bahasa Arab adalah seramai 48 orang (96%) dan 2 orang (4%) tidak berminat mempelajarinya. Faktor minat juga memainkan peranan penting bagi pelajar mempelajari bahasa Arab dengan tekun dan penuh semangat untuk menguasainya serta dapat mempraktikkannya bersesuaian dengan tahap pembelajaran mereka.
- e) Enam orang pelajar (12%) menganggap mata pelajaran bahasa Arab adalah mata pelajaran yang senang dikuasai, 36 orang (72%) menyatakan sederhana dikuasai, 6

orang (12%) menyatakan susah dikuasai dan 2 orang (4%) menyatakan sangat susah dikuasai. Tanggapan negatif pelajar terhadap bahasa Arab boleh melunturkan semangat mereka untuk menguasai dan meningkatkan penguasaan dalam mata pelajaran berkenaan.

- f) 10 orang pelajar (20%) mempunyai jadual khusus untuk mengulangkaji bahasa Arab di luar waktu persekolahan dan 40 orang pelajar (80%) tidak berbuat demikian. Kegagalan pelajar memperuntukkan masa tertentu untuk mengulangkaji bahasa Arab di luar waktu persekolahan, menunjukkan sikap sambil lewa mereka terhadap mata pelajaran tersebut. Mereka hanya bergantung sepenuhnya kepada pengajaran guru di dalam bilik darjah dan tiada inisiatif sendiri untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab.
- g) Lebih daripada sebahagian pelajar, iaitu 27 orang (54%) menghadapi masalah dalam mengingat kata nama bahasa Arab. Kata nama merupakan salah satu unsur yang penting dan kosa kata yang paling asas dalam bahasa Arab. Kegagalan pelajar menguasai kata nama menyebabkan mereka tidak mempunyai kosa kata yang sepatutnya dikuasai di peringkat tersebut. Seterusnya akan mempengaruhi penguasaan mereka dalam bahasa Arab secara keseluruhan.
- h) 31 orang pelajar (62%) tidak dapat membezakan antara golongan kata bahasa Arab yang merangkumi kata nama, kata kerja dan partikel. Kelemahan pelajar dalam membezakan antara golongan kata tersebut turut menjejaskan penguasaan bahasa Arab secara keseluruhan.
- i) 32 orang pelajar (64%) berpendapat kelemahan mereka dalam menguasai kata nama bahasa Arab tidak mempengaruhi penguasaan bahasa tersebut secara keseluruhannya. Tanggapan pelajar yang sedemikian tentang kepentingan menguasai kata nama bahasa Arab, menyebabkan mereka mengambil mudah dan memandang ringan serta tidak bersungguh-sungguh dalam mempelajari bahasa Arab.

5.1.3 Aspek Pengajaran Guru

- a) Pengalaman guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi di peringkat menengah rendah di SMKKPPI adalah antara dua hingga enam tahun. Ini merupakan satu tempoh yang baru dari segi pengalaman dan pendedahan berkenaan kaedah, teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai satu bahasa asing yang diperkenalkan di sekolah.
- b) Majoriti guru tidak menggunakan bahasa Arab sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran dengan peratus penggunaannya adalah sekitar 30% sehingga 50 % sahaja. Kadar penggunaan bahasa Arab yang sedikit sewaktu pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah boleh mempengaruhi tahap penguasaan pelajar terhadap bahasa itu.
- c) Hanya 2 orang guru memperuntukkan masa khusus mengajar kata nama bahasa Arab semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam bilik darjah. Ini menunjukkan kurang penekanan diberikan dalam menerap, menggalak dan melatih tubi penguasaan kata nama bahasa Arab kepada pelajar. Keadaan ini boleh mengurangkan peluang pelajar untuk menguasai kata nama bahasa Arab mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak JAPIM, KPM.
- d) Guru banyak menggunakan terjemahan bahasa Melayu dalam pengajaran kata nama bahasa Arab dan pengajaran berpusatkan guru, menyebabkan pendedahan pelajar terhadap bahasa Arab adalah terhad. Kaedah ini tidak membantu pelajar menguasai bahasa Arab secara efektif.

5.2 Cadangan Kajian

Berikut adalah beberapa cadangan yang boleh dilakukan dalam usaha untuk meningkatkan lagi prestasi penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab khususnya aspek kata nama.

5.2.1 Pengajaran Guru

- a) Guru perlu memainkan peranan lebih aktif dan mengambil inisiatif sendiri untuk memastikan pelajar menguasai kata nama, sebagai contohnya menggunakan kemudahan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.
- b) Guru perlu mensasarkan sejumlah kata nama yang mesti dikuasai oleh pelajar bermula di peringkat awal lagi dan memastikan mereka menghafalnya serta membuat penilaian dan tindakan susulan terhadap penguasaan kata nama yang telah ditetapkan.
- c) Guru perlu mempelbagaikan aktiviti semasa proses pengajaran dan pembelajaran, penggunaan teknik dan kaedah tertentu untuk menarik minat pelajar dan memudahkan penguasaan mereka terhadap kata nama bahasa Arab serta menggalakkan penglibatan mereka dalam setiap aktiviti yang dijalankan.
- d) Guru perlu sentiasa memotivasikan pelajar kepentingan mereka menguasai kata nama bahasa Arab.
- e) Guru perlu menggunakan bahasa Arab sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan meminimalkan penggunaan terjemahan bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab, supaya pelajar dapat menguasainya dengan baik.
- f) Guru perlu mengajar bahasa Arab mengikut sukatan pelajaran dan menghabiskan kandungan dalam buku teks serta tidak mengabaikan pelajaran nahu.

5.2.2 Pembelajaran Pelajar

- a) Pelajar perlu menanam minat untuk mempelajari bahasa Arab dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menguasainya serta tidak malu bertanya kepada guru sebarang persoalan yang berkaitan dengan bahasa Arab.

- b) Pelajar perlu mengambil inisiatif sendiri untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam kata nama bahasa Arab dan tidak mengharapkan input yang diberikan oleh guru semasa pembelajaran di dalam bilik darjah.
- c) Pelajar perlu mengikis dan membuang tanggapan negatif terhadap bahasa Arab adalah mata pelajaran yang susah dikuasai dan tidak bersikap sambil lewa dalam mempelajarinya walaupun mata pelajaran tersebut adalah mata pelajaran elektif.
- d) Pelajar perlu berkomunikasi dengan guru dan rakan-rakan sekelas menggunakan bahasa Arab samada di dalam atau di luar bilik darjah bersesuaian dengan tahap mereka di peringkat menengah rendah.

5.2.3 Pihak Pentadbir Sekolah

- a) Pihak pentadbir sekolah perlu memberikan sokongan sepenuhnya terhadap semua aktiviti berkenaan bahasa Arab yang diadakan di peringkat sekolah, daerah dan negeri.
- b) Membantu guru-guru bahasa Arab dalam usaha menghidupkan persekitaran dan suasana Arab atau *Bi'at 'Arabiyyat*. di sekolah sama ada di dalam atau di luar bilik darjah dari segi fizikal, kemudahan, suasana pembelajaran dan sebagainya.
- c) Menganjurkan aktiviti-aktiviti seperti seminar bahasa Arab, kursus bahasa Arab, perkhemahan bahasa Arab dan seumpamanya di peringkat sekolah.

5.2.4 Pihak Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

- a) Merangka garis panduan kesesuaian kata nama bahasa Arab yang perlu dikuasai oleh pelajar peringkat menengah rendah untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa Arab secara keseluruhannya.

- b) Menyedia, memperbanyak dan mempelbagaikan soalan latihan tubi kepada para pelajar bermula dari peringkat awal lagi.
- c) Menganjurkan kursus-kursus dalam perkhidmatan kepada guru-guru bahasa Arab untuk meningkatkan lagi profesion keguruan dalam bidang bahasa Arab.

5.3 Cadangan Kajian Lanjut

Berikut adalah beberapa saranan yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji akan datang untuk menambahbaik kajian yang sedia ada bagi meningkatkan lagi prestasi penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar dalam aspek kata nama:

- a) Kajian tentang penggunaan kata nama bahasa Arab di kalangan pelajar peringkat menengah atas.
- b) Kajian tentang strategi pembelajaran kata nama bahasa Arab di peringkat universiti.
- c) Kajian tentang kata nama bahasa Arab dengan menggunakan soalan esei sebagai salah satu instrumen kajian.
- d) Kajian tentang kaedah pengajaran guru dalam kata nama bahasa Arab.

5.4 Penutup

Penyelidik telah mengupas dan menghuraikan hasil dapatan kajian, kesimpulan dan cadangan berkaitan secara terperinci berdasarkan interpretasi keputusan kesemua data. Ini merupakan implikasi kepada kajian bagi menjawab persoalan-persoalan kajian berpandukan objektif yang ditetapkan di awal kajian.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan tahap sebenar penguasaan kata nama bahasa Arab di kalangan responden kajian pelajar tingkatan dua KAA di SMKPPPI, adalah di tahap baik. Sejumlah besar daripada 50 orang responden berjaya

memperolehi gred A dan B, iaitu seramai 42 orang yang mewakili 84% dan hanya segelintir responden yang mencapai tahap penguasaan minimum serta tidak mencapai tahap penguasaan minimum, mengikut skala gred pemarkahan PMR KBSM.

Semoga semua hasil kajian penyelidikan ini dapat memberi panduan dan manfaat kepada semua pihak, sama ada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang bahasa Arab. Di samping itu, untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa Arab di kalangan pencintanya dan memartabatkan bahasa al-Quran yang telah dijanjikan oleh Allah akan keberkekalannya.